

# Negara-negara Islam perlu bersepakat

UM 16 SEP 2004

**K**UALA LUMPUR 15 Sept. — Negara-negara Islam perlu bersepakat membentuk satu blok ekonomi supaya mereka mempunyai pengaruh dan dapat memainkan peranan penting dalam perdagangan antarabangsa, sekaligus memastikan menerima manfaat sepenuhnya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, untuk tujuan itu mereka perlu bersatu serta memiliki hubungan dan kelebihan, seperti mana blok ekonomi lain.

“Melalui Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) selama ini, agenda perdagangan hanya dibentuk negara-negara maju yang menumpukan manfaat kepada mereka sahaja.

“Kita harus meneliti terma dan syarat perdagangan selain mencadangkan agenda kita sendiri agar manfaat itu sampai kepada kita,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan pada Pameran Perdagangan Antarabangsa MUSAIDS Ke-10 di Istanbul, Turki yang difaksikan ke sini, hari ini.

Dr. Mahathir berkata, selain itu, negara-negara Islam juga perlu meningkatkan perdagangan sesama sendiri dengan membina kapasiti yang memenuhi keperluan negara-negara Islam melalui pelaburan, penglibatan dalam industri tertentu dan peningkatan perdagangan sesama mereka.

Menurut beliau, negara-negara Islam perlu melabur di negara-negara seagama yang lebih miskin untuk meningkatkan tahap pencapaian ke-

cara-cara menjaganya.

“Semasa negara-negara membangun membentuk konsep itu, kita tidak memikirkan hak kita tetapi kini pelaburan pendidikan kita digunakan oleh mereka,” kata beliau.

Dr. Mahathir turut menimbulkan isu etika kerja dan menyaran negara-negara Islam agar membentuk kod etika universal berasaskan al-Quran supaya perniagaan dapat dijalankan dengan cekap dan bersih.

Menurut beliau, ia boleh memastikan pertumbuhan perniagaan di dalam dunia Islam dan dengan negara-negara bukan Islam.

“Apabila ini berlaku, mereka akan dapat meningkatkan perdagangan dan mendatangkan kekayaan kepada negara-negara yang lebih maju,” jelasnya.

Untuk membangun dalam aspek ekonomi pula, jelas Dr. Mahathir, negara-negara Islam perlu mengambil kira kekuatan dan kelemahannya.

“Kita perlu mengkaji semua aspek, sama ada dari segi kedudukan kewangan, modal, bilangan penduduk, etika kerja atau kemahiran, yang membawa kesan kepada kesejahteraan ummah Islam,” katanya.

Dalam pada itu Dr. Mahathir turut menyeru negara-negara Islam menetapkan standard yang tinggi pada barangan dan makanan yang mereka hasilkan atau yang dibenarkan di dalam pasaran.

“Produk yang kita hasilkan janganlah hanya mencapai standard dunia, tetapi melepasiya.

“Hanya apabila ini berlaku dunia akan kagum dengan kelebihan negara-negara Islam,” tegasnya.

Dr. Mahathir turut menyeru negara-negara Islam supaya meneliti perpindahan saintis-saintis mereka ke negara bukan Islam disebabkan ketiadaan persekitaran dan infrastruktur.

“Dunia Islam mesti meletakkan lebih kepentingan kepada bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) seperti mana yang dilakukan di Eropah atau Amerika Syarikat yang membelanjakan lebih wang dalam R&D,” ujarnya.

Menurutnya, negara-negara Islam perlu menubuhkan lebih prasarana dan memperuntukkan bayaran yang sewajarnya kepada saintis dan penyelidik serta mempejalari pengendalian harta intelektual dan